**MODUL PINTAS**
**PERNIAGAAN**
**Kertas 1**
**3766/1**
**Ogos**
**2025**

**1 Jam 15 Minit**

---

# PERNIAGAAN
# KERTAS 1

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab* ***semua*** *soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih* ***satu*** *jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang* ***tidak*** *boleh diprogramkan dibenarkan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

1 Antara berikut, manakah aktiviti organisasi bukan bermotifkan keuntungan?.

A Menyediakan tempat asuhan kanak-kanak
B Menjalankan aktiviti menjual jus minuman sihat
C Menawarkan perkhidmatan seni reka grafik
D Memberikan rawatan percuma kepada pesakit

2 Pilih padanan yang betul.

| | Rakan Kongsi Lelap | Rakan Kongsi Berhad |
|---|---|---|
| A | Menanggung liabiliti tidak terhad | Menanggung liabiliti terhad |
| B | Membenarkan nama digunakan | Menyumbang modal |
| C | Menerima untung mengikut nisbah | Menerima gaji bulanan |
| D | Melaburkan modal sahaja | Mempunyai hak untuk mengurus |

3 Maklumat berikut berkaitan ciri-ciri sebuah bentuk milikan perniagaan

- modal permulaan diperoleh daripada yuran keahlian dan sumbangan daripada anggota-anggota
- menjaga kebajikan anggota-anggotanya semata-mata

Apakah bentuk milikan perniagaan yang terlibat?

A Syarikat Berhad
B Perkongsian
C Usaha sama
D Koperasi

4 Apakah peranan francaisi kepada francaisor?.
A Menyediakan latihan berpusat
B Mengurangkan risiko kegagalan
C Membuat bayaran dalam bentuk fi
D Menjalankan aktiviti promosi bersepadu

5 Antara berikut, pekerjaan manakah terlibat dalam sektor tertier?.
A Pemandu pelancong
B Peneroka ladang
C Operator kilang
D Jurutera projek

6 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan agensi kerajaan.

| |
|---|
| • Mewujudkan kawasan industri<br>• Menarik kemasukan pelabur<br>• Menggalakkan penglibatan sektor swasta |

Pihak manakah yang terlibat?

A Pihak Berkuasa Tempatan
B Pihak Rukun Tetangga
C Kerajaan Pusat
D Kerajaan Negeri

7 Apakah peranan E-Tribunal?.

A Melindungi pengguna daripada tindakan perniagaan yang boleh mengancam kesihatan pengguna
B Menjamin pengguna dalam aspek makanan, ubat-ubatan serta sebarang amalan dan perkhidmatan yang tidak selamat
C Mendengar dan mengadili tuntutan pengguna dengan bebas, adil dan saksama berdasarkan perlindungan pengguna
D Melindungi hak pengguna mendapat alam sekitar yang bersih ekoran aktiviti perniagaan mencemarkan alam sekitar

8 Logo 1 merupakan satu agensi kerajaan.

Logo 1

Apakah peranan agensi tersebut?

A Menjalankan penyelidikan bagi menangani isu penggunaan tenaga
B Mempertingkatkan pembangunan sumber tenaga manusia
C Membangunkan kawasan perdagangan yang baharu
D Memastikan produk di pasaran menepati piawaian yang bermutu tinggi

9 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan deflasi?

A Peniaga menyorok barang
B Pengguna membeli semasa harga diskaun
C Peningkatan harga berlaku secara berterusan
D Peningkatan dalam eksport barangan tempatan

10 Apakah ciri gaya pengurusan autokratik?

A Keputusan dan kawalan hanya berpusat pada ketua
B Pekerja memberi maklum balas kepada ketua
C Pengawasan minimum terhadap pekerja
D Keputusan dibuat secara kolaboratif

11 Situasi yang manakah berkaitan dengan ciri-ciri objektif bagi jangka masa?

A Butik Zoe Arissa menyiapkan 400 helai baju kurung dalam masa 2 bulan
B Kedai Abg Sam menganggarkan jualan sebanyak 50 bungkus nasi lemak
C Perodua Malaysia mensasarkan sebanyak 2 000 unit keluarannya ke Jerman
D Kedai Kek Bakeri menetapkan 10 jenis perisa kek bagi perniagaannya

12 Antara berikut, manakah faktor dalaman yang boleh mempengaruhi pencapaian visi, misi dan objektif perniagaan?

A Undang-undang
B Sumber manusia
C Politik
D Ekonomi

13 Carta 1 menunjukkan syer pasaran berkaitan dengan produk kecantikan.




Carta 1

Pernyataan manakah yang tepat menerangkan rajah tersebut?

I De Herb's menerima keuntungan sebanyak 50 %
II Pemasaran Amalina Kosmetik dipengaruhi oleh Natasya Kosmetik
III Promosi oleh De Herb's lebih berkesan berbanding Amalina Kosmetik
IV De Herb's dianggap sebagai pemimpin dalam pasaran kosmetik

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

14 Maklumat berikut berkaitan dengan tugas Amran di salah sebuah perniagaan.

- Memastikan bekalan bahan mentah sentiasa mencukupi
- Menguruskan hubungan dengan pembekal
- Menilai dan memilih pembekal

Amran terlibat dalam bahagian fungsian...

A khidmat pelanggan.
B sumber manusia.
C pembelian.
D Pentadbiran.

15 Apakah yang dimaksudkan dengan dekod?

A Mesej ditukar kepada bentuk yang mudah difahami
B Penghantar mencipta mesej kepada penerima
C Maklumat dihantar melalui medium penghantaran
D Penghantar memilih saluran komunikasi

16 Dialog berikut berlaku antara Pn. Yumita dan En. Ji Min.

Pn. Yumita : Selamat sejahtera Encik. Boleh saya bantu?.
En. Ji Min : Selamat sejahtera. Saya tertarik dengan pakej pelancongan ke Korea.
Pn. Yumita : Oh begitu. Baik, saya boleh bantu.

Apakah bahagian fungsian yang dijalankan oleh Pn. Yumita?

A Pentadbiran
B Sumber manusia
C Khidmat pelanggan
D Pemasaran

17 Apakah aplikasi teknologi maklumat yang digunakan untuk membuat tempahan dan pengesahan pembelian barang?

A E- dagang
B E- banking
C E-pemasaran
D E-government

18 Rajah 1 menunjukkan proses yang terlibat dalam fungsian pengeluaran.




Rajah 1

Apakah X?

A Usahawan
B Wang tunai
C Bahan mentah
D Bangunan

19 Langkah yang manakah dilakukan selepas penjanaan idea dalam pembangunan produk baharu?

A Analisis perniagaan
B Strategi pemasaran
C Penyaringan idea
D Komersialisasi

20 Rajah 2 berkaitan dengan maklumat pengurusan sumber manusia.




Rajah 2

Apakah X?

A Kemudahan pekerja semasa bertugas
B Perkhidmatan kesatuan sekerja
C Proses pengambilan pekerja
D Latihan dan pembangunan



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

21 Apakah kepentingan Standard Prosedur Operasi tugas (SOP) ?

A Menempatkan pekerja mengikut kemahiran
B Memastikan kerja dilaksanakan dengan betul
C Memudahkan penyediaan jadual tugasan dilakukan
D Mempertimbangkan memberi penghargaan kepada pekerja

22 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem penggajian dalam sesebuah perniagaan.

| |
|---|
| Pemberian faedah yang menarik dapat meningkatkan kesetiaan pekerja. |

Antara yang berikut, yang manakah merujuk kepada maklumat tersebut?.

I Gaji
II Elaun
III Bonus tunai
IV Kemudahan keselamatan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

23 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis sumber teknologi.

X → Perjanjian bertulis antara pemilik dengan pengguna perisian

Apakah X ?

A Peralatan teknologi maklumat
B Kemahiran dan pengalaman
C Lesen perisian
D Harta intelek

24 Mengapakah harta intelek perlu diuruskan dengan baik?

A Untuk melindungi daripada ancaman cetak rompak
B Untuk melindungi produk yang belum dizahirkan
C Untuk memastikan kualiti perniagaan terjamin
D Untuk memastikan tidak berlaku kesilapan

25 Gambar 1 menunjukkan aktiviti penyelenggaraan pendingin hawa dilakukan.



Gambar 1

Apakah kepentingan aktiviti tersebut perlu dilakukan?

A Memastikan jadual penyelenggaraan disediakan
B Memastikan kelancaran produktiviti kerja
C Memastikan pekerja akur dengan tugasan
D Memastikan sumber berfungsi dengan baik

26 Maklumat berikut berkaitan ciri-ciri sumber pembiayaan luaran.

- Membolehkan usahawan menggunakan mesin dengan cara menyewanya.
- Insitusi kewangan mempunyai hak milik terhadap mesin tersebut

Apakah jenis sumber pembiayaan tersebut?.

A Pemfaktoran
B Sewa Beli
C Overdraf
D Pajakan

27 Maklumat berikut berkaitan sejenis sumber pembiayaan oleh agensi kerajaan.

Encik Ali gagal mendapatkan pembiayaan kerana perniagaannya bersaiz kecil dan tidak mempunyai cagaran.

Apakah agensi yang boleh membantu Encik Ali?

A Majlis Amanah Rakyat
B Kementerian Sains & Teknologi
C Syarikat Jaminan Kredit Malaysia
D Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga

28 Apakah kegunaan penyata kewangan kepada pembiaya?.

A Untuk menentukan hala tuju perniagaan
B Untuk mengetahui keberuntungan perniagaan
C Untuk membuat pertimbangan pemberian bonus
D Untuk mengetahui kemampuan membayar hutang

29 Antara berikut, manakah yang digunakan untuk mengukur keuntungan setiap ringgit jualan?

A Peratusan margin untung kasar
B Peratusan margin untung bersih
C Peratusan untung tokokan
D Peratusan pulangan atas modal

30 Berikut adalah sebahagian Penyata Aliran Tunai bagi sesebuah perniagaan.

Penyata Aliran Tunai Bagi Bulan Jun 2025

| BUTIRAN | JUN (RM) |
|---|---|
| Baki b/b | 100,000 |
| *Penerimaan* | |
| Jualan | Y |
| Pinjaman | 50,000 |
| Jumlah penerimaan | 100,000 |

Kira nilai Y.

A RM 50, 000
B RM 100, 000
C RM 150, 000
D RM 250, 000

31 Maklumat berikut berkait dengan aspek kecekapan dalam penyata kewangan.

- Pihak pengurusan perlu cekap dalam mengendalikan stok dan Z untuk menjana keuntungan.

Apakah Z ?

A Kecekapan pengurusan operasi
B Kecekapan mengawal harga barang
C Keccekapan dalam pengurusan aset
D Kecekapan membayar pinjaman jangka pendek

32 Maklumat berikut merupakan ciri-ciri keperibadian usahawan.

- Berkebolehan untuk menukar cara atau strategi mengikut situasi perniagaan dan keadaan tertentu.

Apakah ciri tersebut?

A Inovatif
B Fleksibel
C Yakin diri dan optimistik
D Berfikiran positif untuk berjaya

33 Apakah kelebihan menjadi usahawan kepada negara?

A Mengurangkan kadar jenayah
B Memupuk minat keusahawanan
C Memenuhi keperluan dan kehendak
D Mewujudkan kerjasama serantau

34 Apakah faktor untuk memulakan perniagaan?

A Persaingan
B Lokasi yang sesuai
C Matlamat peribadi peniaga
D Keupayaan membina jenama

35 Rajah 3 adalah proses pendaftaran penubuhan perniagaan milikan tunggal.




Rajah 3

Apakah proses yang berlaku di X?

A Mengisi Borang A
B Mengisi Borang PNA42
C Memperolehi Borang D
D Membayar RM60 untuk nama tred

36 Antara yang berikut, manakah dokumen perniagaan untuk merekod kos operasi?.

I Bil Utiliti
II Bil Insurans
III Nota Kredit
IV Invois

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

37 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kaedah promosi.

- Kos siaran biasanya ditanggung oleh pihak media massa
- Maklumat mengenai sesuatu produk atau perkhidmatan disalurkan melalui media massa

Apakah jenis kaedah promosi tersebut?

A Publisiti
B Pengiklanan
C Promosi jualan
D Jualan langsung

38 Antara berikut, milikan perrniagaan manakah tertakluk pada Akta Pendaftaran Perninagaan 1956?.

A Suria Indah Enterprise
B Syarikat Antan Berhad
C Syarikat Maju Sendirian Berhad
D Perniagaan Sinar Gemilang PLT

39 Apakah kepentingan rancangan perniagaan kepada pemilik perniagaan?.

A Merancang keperluan sumber perniagaan
B Meyakinkan pihak pembekal dan pelabur
C Menilai projek yang dirancang dengan teliti
D Menjangkakan risiko dan peluang yang ada

40 Antara yang berikut, maklumat manakah terdapat dalam rancangan pentadbiran?.

I Carta organisasi perniagaan
II Perbelanjaan operasi perniagaan
III Carta alir proses pembuatan produk
IV Jadual spesifikasi tugas mengikut jawatan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

**KERTAS SOALAN TAMAT**